PRAKTIS 5

Baca petikan drama di bawah ini dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

HAKIM : Sekarang giliran peguam bela untuk mengemukakan soalan. Dipersilakan.

PEGUAM BELA : Bulat bin Leper, benarkah pada 10 Januari 1988, antara jam 8.00 hingga 9.00 pagi, kamu berada di Taman Gagak Putih?

TERTUDUH I : Ya, benar, tuan.

PEGUAM BELA : Dan pada waktu siang yang tersebut itu, kamu telah makan sebiji pisang berangan ... kemudian kulitnya, yang kamu tidak lalu nak makan, kamu buang ke dalam tong sampah, yang tersedia oleh pihak berwajib, tapi sudah rosak pintunya?

TERTUDUH I : Ya, benar sekali, tuan.

PEGUAM BELA : Dan kamu sedar bahawa tugas membaiki pintu tong sampah itu bukan tugas kamu?

TERTUDUH I : Ya, tuan.

PEGUAM BELA : Lalu, kulit pisang yang kamu buang ke dalam tong sampah itu ialah suatu perbuatan yang sudah cukup memperlihatkan kesedaran sivik kamu, malah kamu telah menunjukkan contoh yang baik?

TERTUDUH I : Benar sekali, tuan.

PENDAKWA RAYA bangun dan membantah.

PENDAKWA RAYA : Yang arif, peguam bela cuba memutarbelitkan kenyataan.

PEGUAM BELA : Yang arif, soalan saya belum tamat. Saya harap pendakwa raya tidak mengganggu perjalanan mahkamah.

HAKIM : Pendakwa raya diminta bertenang dan kembali ke tempat duduk.

(Dipetik daripada drama *Mahkamah*, dalam antologi *Baik Budi, Indah Bahasa*, Tingkatan 2, KPM)

1 Apakah kesalahan yang telah dilakukan oleh Bulat bin Leper di Taman Gagak Putih?
- **A** Membuang kulit pisang di tempat awam
- **B** Membuang kulit pisang ke jalan raya yang berhampiran
- **C** Membuang kulit pisang ke atas lantai berhampiran tong sampah
- **D** Membuang kulit pisang ke dalam tong sampah yang rosak penutupnya

2 Nyatakan persoalan yang terdapat dalam petikan drama di atas.
- I Mahkamah ialah tempat untuk mendapatkan keadilan bagi orang yang teraniaya.
- II Kebijaksanaan seorang peguam berhujah untuk mempertahankan anak guamnya.
- III Isu ketidaksamarataan antara orang kaya dengan orang miskin.
- IV Isu penggunaan bahasa Melayu di mahkamah.

A I dan II sahaja **C** I, II dan III sahaja
B III dan IV sahaja **D** II, III dan IV sahaja

3 Berikut merupakan perwatakan Bulat bin Leper, **kecuali**
- **A** seorang yang setia.
- **B** seorang yang berani.
- **C** seorang yang berbudi bahasa.
- **D** seorang yang bertanggungjawab.

4 Di manakah latar tempat dalam petikan drama di atas?
- **A** Di rumah Bulat bin Leper
- **B** Di Taman Gagak Putih
- **C** Di dalam mahkamah
- **D** Di luar mahkamah

5 Apakah peleraian drama di atas?
- **A** Akinomoto dijatuhkan hukuman penjara selama satu tahun
- **B** Bulat bin Leper kena membayar denda sebanyak RM2,500.00
- **C** Bulat bin Leper terpaksa menjalani hukuman penjara selama satu tahun
- **D** Akinomoto harus memelihara ibu beruk sehingga selamat melahirkan anak

LIVEWORKSHEETS